

10 AUG 2003

Sukan-Bola Sepak (Play Off Liga Super)

MPPJ MARA KE PUSINGAN KEDUA DENGAN AGREGAT 6-5

MELAKA, 10 Ogos (Bernama) -- Majlis Perbandaran Petaling Jaya melangkah ke pusingan kedua walaupun ditewaskan oleh Negeri Sembilan 2-4 pada perlawanan Play Off Liga Super di Stadium Hang Tuah di sini malam ini.

MPPJ layak dengan agregat 6-5 setelah membelasah Negeri Sembilan 4-1 pada perlawanan pertama di Stadium MPPJ Rabu lepas.

MPPJ memperolehi gol pertama perlawanan pada minit ke-38 menerusi jaringan Md Haris Safwan Md Kamal.

Pemain veteran, Anuar Abu Bakar yang menjaringkan dua gol sewaktu perlawanan pertama menambah derita pasukan Negeri Sembilan apabila menjaringkan gol untuk MPPJ selesa mendahului 2-0 pada minit ke-56.

Namun Juara Piala FA, bangkit untuk mengasak dan hasilnya bekas penyerang Sabah, Suharmin Yusof menjaringkan gol pertama pada minit ke-58.

K.Sathian menanduk untuk gol kedua Negeri Sembilan pada minit ke-62 disusuli oleh jaringan ketiga menerusi Suharmin pada minit ke-71 dan pemain gantian K. Rajan pada minit ke-75.

Peluang Negeri Sembilan yang mengharap satu gol lagi untuk mengikat MPPJ bertambah cerah setelah pemain MPPJ Azrin Shah Zainal diperintah keluar padang pada minit ke-76 oleh pengadil Manjit Singh dari Kuala Lumpur kerana membantah keputusan pengadil.

Namun segala usaha dan serangan bertali arus oleh Negeri Sembilan gagal untuk menambah jaringan gagal disempurnakan walaupun mempunyai tiga peluang terbuka.

-- BERNAMA

NO ROS

10 AUG 2003

Mahathir-Tiba/I

DR MAHATHIR TIBA UNTUK LAWATAN RASMI TIGA HARI KE ALGERIA

Oleh: Mokhtar Hussain

ALGIERS, 11 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini pada petang Ahad bagi memulakan lawatan rasmi tiga hari ke Algeria, yang bertujuan mewujudkan perkongsian yang kukuh dengan Algeria selain menggalakkan kerjasama yang lebih baik di kalangan negara-negara Selatan, terutamanya negara-negara Islam.

Ketibaan Perdana Menteri, yang diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali di Lapangan Terbang Antarabangsa Hourii Boumedine disambut Presiden Algeria Abdelaziz Bouteflika dan beberapa pegawai tertinggi Algeria.

Potret Dr Mahathir yang diletak berselang seli dengan gambar Presiden Bouteflika menghiasi sepanjang laluan ke lapangan terbang.

Dr Mahathir, yang mengetuai delegasi 127 anggota terdiri daripada menteri-menteri kanan, pemimpin-pemimpin kerajaan dan korporat, kemudiannya diberikan sambutan rasmi ketibaan dengan memeriksa kawalan kehormatan terdiri daripada pasukan keselamatan Algeria.

Program pertama beliau pada Isnin ialah meletakkan kalungan bunga di Maqam Syahid sebelum mengadakan rundingan dengan Presiden Bouteflika yang dijangka menyentuh beberapa isu berkaitan kepentingan bersama.

Dr Mahathir merupakan Perdana Menteri Malaysia yang pertama melawat Algeria, iaitu negara Afrika kedua terbesar selepas Sudan.

Dr Mahathir dan Presiden Algeria akan menyaksikan majlis memeterai

perjanjian perdagangan dua hala dan memorandum persefahaman mengenai kerjasama dalam Teknologi Komunikasi dan Maklumat.

Perdana Menteri juga akan melawat "taman teknologi" yang baru di Sidi Abdellah, kira-kira 25km dari ibu negeri Algeria sebelum menghadiri majlis jamuan rasmi yang dianjurkan oleh Presiden Bouteflika di Palace of Culture.

Pada Selasa, Dr Mahathir dan isteri akan berlepas ke Boumerdes, satu dari beberapa zon yang terjejas akibat gempa bumi pada 21 Mei lepas yang mengorbankan sekurang-kurangnya 250 orang manakala beribu-ribu yang lain hilang tempat tinggal.

Semasa di Algiers, Dr Mahathir juga dijadual bertemu Perdana Menteri Algeria Ahmed Ouyahia dan Presiden Majlis Negara Abdelkader Bensalah.

Dr Mahathir kemudiannya akan berucap pada Dialog Perniagaan Malaysia-Algeria sebelum menyaksikan satu lagi majlis menandatangani perjanjian pertukaran berita antara Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) dan Algerie Press Service (APS).

Beliau juga dijadual memberikan persidangan akhbar sebelum berlepas ke Swaziland untuk menghadiri Dialog Antarabangsa Afrika Selatan (SAID).

-- BERNAMA

MOK RV ROS